

**George Kent layak dianugerahi kontrak LRT, kata Najib**  
**Malaysian Insider**  
**27 September, 2012**  
**Oleh Mohd Farhan Darwis**

KUALA LUMPUR, 27 Sept — Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak hari ini berkata syarikat George Kent-Lion Pacific JV (GKLP JV) – pembida harga kedua terendah – layak diberikan kontrak penyambungan laluan Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) aliran Ampang atas faktor memenuhi syarat teknikal, kewangan, perundangan, termasuk syarat kontrak.

Najib juga dalam jawapan bertulis ketika Sidang Dewan Rakyat di Parlimen hari ini menjelaskan pembida dengan harga paling rendah daripada lapan pembida lain tidak dipertimbangkan kerana tidak mematuhi syarat-syarat kontrak yang ditetapkan.

“GKLP JV merupakan gabungan syarikat tempatan yang berkeupayaan daripada segi kewangan dan telah tersenarai di Bursa Malaysia.

“Pembida yang ditawarkan harga terendah berbanding GKLP JV tidak dipertimbangkan kerana didapati tidak mematuhi syarat - syarat kontrak yang ditetapkan,” kata Najib menjawab soalan yang dibangkitkan ahli Parlimen Batu, Tony Pua yang menuntut Putrajaya mengemukakan sebab kontrak berkenaan diserahkan kepada George Kent.

Malah, Najib juga menolak dakwaan pembangkang yang mengatakan George Kent tidak berpengalaman dalam bidang rel, sebaliknya ahli Parlimen Pekan itu menjelaskan George Kent mempunyai pengalaman luas dalam bidang sub-sistem rel termasuk kerja sistem SCADA, pemasangan landasan termasuk landasan konduktor kuasa, sistem komunikasi, dan pelindung kilat.

“Manakala sistem seperti semboyan akan diuruskan oleh syarikat Thales, yang merupakan rakan pelaksana teknikal yang berkredibiliti tinggi.

“Di samping itu, unsur-unsur yang boleh membawa kepada pengoptimuman kos operasi melalui kesinambungan sistem sedia ada juga diambil kira,” kata Najib, dan menambah aspek pembangunan vektor turut diambil kira serta peluang syarikat tempatan untuk menguasai bidang pengetahuan berteknologi tinggi melalui penglibatan dalam projek sedemikian.

Mengulas berkenaan spekulasi ketika proses penilaian dijalankan, Najib menjelaskan pembida yang tidak berjaya, termasuk pembida antarabangsa turut akur dengan keputusan tersebut.

“Sehingga kini tiada pembida yang tidak berpuas hati terhadap penganugerahan tender tersebut yang bernilai RM1.084 bilion,” kata Najib lagi.

PKR sebelum ini melalui Pengarah Strategiknya Rafizi Ramli telah mendedahkan satu dokumen yang didakwa membuktikan bahawa jawatankuasa peringkat tinggi yang dipengerusikan oleh Najib telah menganugerahkan projek sambungan LRT Ampang bernilai RM1.18 bilion kepada konsortium yang diketuai oleh George Kent Bhd.

Dokumen itu adalah minit mesyuarat kelima Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan (JPMK) pada 21 Jun, yang dipengerusikan Najib.

Rafizi juga mempersoalkan pemilihan George Kent kerana syarikat itu jelasnya hanya mempunyai kepakaran dalam mengilang meter air.

Malah beliau juga turut merasa "pelik" kerana George Kent dianggap sebagai "pembida lebih tinggi tidak berpengalaman" dalam tender tersebut.

Rafizi juga sebelum ini berkata syarikat itu sebelum ini ditolak kerana ia tidak memenuhi keperluan minimum teknikal bagi kerja tersebut.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/george-kent-layak-dianugerahi-kontrak-lrt-kata-najib/>